



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Utusan Malaysia - Dakwaan Bank Negara Rugi RM161b Tidak Benar

Utusan Malaysia - Dakwaan Bank Negara Rugi RM161b Tidak Benar

Rabu, Dis 20 2017



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Dakwaan Bank Negara rugi RM161b tidak benar

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kononnya Bank Negara mengalami kerugian sebanyak AS\$39.6 bilion (RM161 bilion) antara tempoh 2013 dan 2015 dalam menguruskan rizab antarabangsa negara adalah tidak benar.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, dakwaan kerugian AS\$39.6 bilion itu sebenarnya merupakan jumlah yang menggambarkan penurunan dalam rizab antarabangsa disebabkan aliran keluar dana asing dari Malaysia dan bukannya kerugian akibat urus mata wang asing.

"Aliran keluar ini disebabkan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global yang lemah, jangkaan pemulihan dasar monetari di Amerika Syarikat (AS) dan penurunan mendadak dalam harga minyak dunia.

"Pada tempoh itu, aliran keluar modal bukan hanya unik kepada Malaysia sahaja tetapi turut menjejaskan pasaran baru lain termasuk Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, India, China, Korea Selatan dan Taiwan.

"Dakwaan Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP itu

(Dr. Mahathir) telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan rakyat, justeru saya ingin menjelaskan fakta yang betul," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir menerusi sebuah klip video yang dipaparkan di laman YouTube mendakwa Bank Negara mengalami kerugian sebanyak AS\$39.6 bilion antara tempoh 2013 dan 2015 dalam menguruskan rizab antarabangsa negara.

Mengulas lanjut, Johari berkata, semua faktor luaran itu secara praktikal mendesak pelabur asing untuk mencairkan pelaburan mereka di pasaran saham dan bon.

"Perkara itu seterusnya menyebabkan permintaan yang lebih tinggi bagi dolar AS berbanding ringgit apabila pelabur asing menukarkan dana itu kepada dolar AS dan menghantar balik ke negara masing-masing.

"Ketika itu, Bank Negara menyediakan kecairan dolar AS kepada pelabur asing sebagai tujuhan untuk ringgit dan ini sudah pasti berbeza daripada urus niaga mata wang asing yang dilakukan sekitar 1990-an," katanya.

Jelas beliau, sistem pengu-

rusan rizab semasa yang dikendalikan oleh Bank Negara berfungsi dengan amat baik dan pasaran kewangan berada dalam keadaan tersusun serta stabil meskipun mengalami keluar modal besar.

"Memandangkan asas kita yang kukuh, penyusutan rizab semasa tempoh 2013-2015 tidak memberi sebarang impak material terhadap fungsi ekonomi Malaysia serta kedudukan kewangan bank pusat. Malah, Bank Negara terus merekodkan keuntungan bersih membebankan sepanjang tempoh berkenaan berbanding pada 1993 apabila kerugian operasi direkodkan disebabkan akibat urus niaga mata wang asing.

Beliau turut menegaskan, rizab antarabangsa kekal sebagai penampungan penting terhadap kejutan luaran dan mustahak bagi mengekalkan persekitaran operasi stabil di dalam ekonomi domestik serta sejak itu rizab antarabangsa Malaysia terus meningkat.

"Setakat akhir November 2017, rizab antarabangsa mencecah AS\$101.9 bilion (RM416 bilion) dan mencukupi untuk menyokong 7.5 bulan import tertangguh. Jumlah rizab semasa adalah lima kali lebih besar berbanding AS\$21.7 bilion (RM88.55 bilion) direkodkan pada 1997 yang hanya boleh menyokong 3.4 bulan import tertangguh," katanya.



JOHARI ABDUL GHANI

Kementerian Kewangan Malaysia

No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

☎ 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |

[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216

